

RETORIK

1. Retorik (bahasa Greek: ῥήτωρ; rhêtôr, pemidato, guru) ialah seni pemakaian bahasa dalam bentuk penulisan atau ucapan.
2. Mempengaruhi, memujuk dan meyakinkan pembaca (penulisan) atau pendengar (pengucapan).
3. Retorik juga ialah penguasaan tatabahasa, penyampaian pemikiran yang teratur dan sistematik serta penguasaan bentuk dan corak penulisan.
4. merupakan seni atau teknik memujuk melalui bahasa lisan, visual atau tulisan.
5. Berasal daripada perkataan Greek *tenhne rhetorike* yang bermaksud 'seni pertuturan' (art of speech), iaitu kemahiran berucap sebagai cara pemujukan.
6. Dalam konteks penulisan, retorik bermaksud 'seni menulis'.

JENIS-JENIS RETORIK

Ada enam jenis retorik dalam bahasa Melayu iaitu:

1. Retorik Pemerian
2. Retorik Pemujukan
3. Retorik Penerangan
4. Retorik Penceritaan
5. Retorik Pendedahan
6. Retorik Penghujahan

RETORIK PEMERIAN

Retorik pemerian ialah teknik penggunaan bahasa berbentuk penjelasan tentang sesuatu idea. Tujuannya adalah untuk menyampaikan fakta dan maklumat yang lengkap kepada pembaca (penulisan) atau pendengar (pengucapan).

Retorik Pemerian ini:

- dilakukan secara objektif, tepat dan jelas
- gambaran dilakukan secara realistik dan impresionistik
- bahasa yang digunakan adalah jelas dan tersusun
- terdiri daripada pendahuluan, huraian dan kesimpulan
- bersifat deskriptif dan informatif

RETORIK PEMUJUKAN

Penggunaan bahasa pujukan untuk mempengaruhi pemikiran dan keyakinan orang lain agar mempercayai sesuatu perkara yang diperkatakan.

Retorik Pemujukan ini:

- menggunakan bahasa yang manis, menarik, dan mementingkan kehalusan berbahasa
- menggunakan bahasa yang berunsurkan aspek psikologi (kelebihan dan kehebatan)
- terbahagi kepada pemujukan rasional (penyampaian fakta dan data yang lengkap) dan pemujukan tidak rasional (pemujukan yang melibatkan emosi)

RETORIK PENERANGAN

Memberi penjelasan tentang sesuatu perkara secara terperinci (satu langkah ke satu langkah yang lain).

Retorik Penerangan ini:

- menggunakan gaya bahasa dan intonasi (nada) yang menarik
- menggunakan bahasa formal dengan diksi yang tepat dan makna yang jelas serta bernas

RETORIK PENCERITAAN

Dikenali juga sebagai naratif. Berbentuk penyampaian melalui cerita (penulisan atau pengucapan). Mengandungi tema, persoalan, watak dan perwatakan, latar, plot, gaya bahasa dan sudut pandangan.

Retorik Penceritaan ini:

- terdiri daripada empat bahagian iaitu pendahuluan, perkembangan cerita, konflik, dan peleraian
- bersifat imaginatif dan menggunakan bahasa sastera (imej, perlambangan, metafora dan sebagainya)
- bersifat ekspresi

RETORIK PENDEDAHAN

Bentuk yang mendedahkan, menampakkan sesuatu, menyingkap dan memaparkan atau menunjukkan sesuatu maklumat dengan jelas dan terperinci. Tujuannya adalah untuk memindahkan idea atau maklumat daripada seseorang kepada khalayak.

Retorik Pendedahan ini:

- dilakukan dengan memberikan takrifan, disertai dengan contoh dan perbandingan
- dihuraikan secara objektif, jelas, tepat dan terperinci
- menggunakan teknik pentakrifan dan pencerakinan
- menjelaskan idea yang berkaitan dengan konsep, istilah, fakta, falsafah, masalah, analisis, proses, dan dasar

RETORIK PENGHUJAHAN

Dikenali juga sebagai pemujukan rasional atau intelek. Digunakan dalam sesuatu peribahasa, perdebatan, perbicaraan, forum dan penulisan akademik (seperti tesis). Retorik jenis ini disokong dengan bukti yang jelas dan konkrit, menggunakan teknik penyampaian secara deduktif atau induktif, dan memerlukan khalayak untuk bersetuju dan yakin. Teknik penyampaian idea dilakukan dengan:

- deduksi (kenyataan umum -> khusus -> kesimpulan)
- induksi (kenyataan umum -> khusus)
- analogi (kaedah perbandingan)
- pencerakinan (teknik analisis iaitu mengembangkan tajuk dan selepas itu menghuraikan setiap komponen), pentakrifan (menerangkan istilah dan konsep asas seperti dalam penulisan ilmiah)
- petikan (menyokong idea yang disampaikan -> menambahkan keyakinan sama ada petikan langsung (petikan asal) atau tidak langsung (olahan semula))
- elektik (isi penting, huraian isi, rumusan)

RAGAM BAHASA

Ragam bahasa ialah variasi atau kepelbagaian bahasa berdasarkan penggunaannya yang berkaitan dengan situasi tertentu (Kamus Dewan).

Ragam bahasa (tulisan dan lisan) digunakan untuk menguatkan tujuan tulisan atau lisan itu, dan menambahkan kefahaman pembaca pada sesuatu peristiwa atau perkara yang dinyatakan (Za'ba).

Ada dua ragam bahasa iaitu:

1. ragam bahasa formal, dan
2. ragam bahasa tidak formal

Contoh bahasa formal dan tak formal:

Bahasa Formal	<i>Dari manakah awak datang?</i>
Bahasa Tak Formal	<i>Datang mana?</i>

Ragam bahasa formal

Ciri-ciri bahasa formal:

1. variasi bahasa Melayu yang digunakan dalam konteks rasmi
2. susunan bahasa lebih lengkap, tersusun dan halus sifatnya
3. frasa-frasa yang digunakan jarang-jarang digunakan dalam bahasa tak formal
4. menggunakan sistem imbuhan yang lengkap dan sempurna
5. kurang menggunakan bahasa ringkas

Contoh bahasa formal (penulisan)

1. rencana
2. artikel ilmiah
3. laporan berita

Contoh bahasa formal (lisan)

1. ucapan di majlis-majlis rasmi
2. perbicaraan di mahkamah
3. pengajaran di sekolah

Ragam bahasa tak formal

1. Variasi bahasa yang digunakan dalam situasi tidak formal. *Contoh:* perbualan ringan, tulisan bernada ringan, perbualan antara kaum keluarga, perbualan semasa membeli-belah, dan sebagainya.
2. Menurut Za'ba (1965): terbahagi kepada dua iaitu *cakap mulut* (yang digunakan sesama orang Melayu) dan *bahasa pasar* (yang digunakan antara orang Melayu dengan orang bukan Melayu).
3. Susunan ayatnya mudah, ayatnya ringkas, perkataan terpotong-potong dan kadang-kadang perkataan yang digunakan tidak terdapat dalam bahasa formal.
4. *Bahasa pasar* ialah bahasa yang mempunyai perkataan Melayu tetapi menggunakan jalan bahasa lain
5. Istilah lain bagi *bahasa pasar* ialah *bahasa kacukan* kerana sifatnya yang bercampur aduk

